

# IORA'



جامعة  
الهندسة والتكنولوجيا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

أقل

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

LIVE




**Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**  
PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



**Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**  
PTAR Cawangan Johor - muka 15

**Program PTDI bersama Pelukis:  
Art As Therapy**  
PTAR Cawangan Johor - muka 16

LIVE



**Bengkel Systematic Literature Review:  
Komunikasi Dalam Matematik**  
PTAR Cawangan Kelantan - muka 22

**100 Days of Reading Challenges  
Sempena Program UiTM Penang Baca**  
PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



**Promosi@PTAR**

7 JULAI 2021

**BULETIN**

Disediakan oleh : Noor Azreen Abd Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN SHAH ALAM

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dalam segmen Bicara Buku Penerbit UiTM: Komunikasi Organisasi: Halangan Komunikasi Dalam Organisasi. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan, Dr. Ahlam Abdul Aziz.



Untuk menonton semula:



Program ini telah dimulakan dengan memperkenalkan latar belakang panel Dr. Ahlam Abdul Aziz yang merupakan Pensyarah Kanan Pengurusan Komunikasi dan Polisi di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam. Sesi perkongsian diteruskan dengan penerangan daripada panel jemputan tentang isi kandungan buku yang bertajuk Komunikasi Organisasi: Halangan Komunikasi Dalam Organisasi terbitan UiTM Press. Secara ringkasnya, buku ini berkisarkan satu permasalahan atau fenomena yang wujud dalam setiap organisasi sama ada halangan kecil maupun besar. Buku ini juga menyampaikan pengetahuan dan kaedah yang bermanfaat untuk melicinkan proses komunikasi dalam organisasi setiap hari.

Komunikasi merupakan satu proses penyampaian maklumat atau mesej dari sumber kepada penerima. Buku ini dapat membantu melancarkan komunikasi dalam organisasi dan kesannya akan memudahkan setiap urusan setiap hari di tempat kerja. Dr. Ahlam Abdul Aziz juga menerangkan komunikasi organisasi merupakan proses komunikasi antara pekerja dengan majikan bagi melancarkan urusan di tempat kerja atau organisasi. Tambahan beliau, dalam proses komunikasi terdapat satu elemen yang menjadi halangan utama dalam penyampaian maklumat dan menyebabkan proses komunikasi tidak dapat berjalan dengan lancar iaitu elemen 'noise'.

Dalam pada itu, Dr. Ahlam juga menjelaskan jaringan komunikasi organisasi antara institusi dan syarikat adalah sama walaupun dalam sektor kerajaan maupun swasta. Maka, dalam konteks komunikasi organisasi ini terdapat 2 jenis komunikasi organisasi iaitu formal dan tidak formal. Dalam komunikasi organisasi secara formal dipecahkan kepada 3 kategori iaitu 'Downward' (komunikasi ke bawah) iaitu komunikasi antara majikan dengan kakitangan bawahan. Kedua, 'Upward' (komunikasi ke atas) adalah komunikasi antara kakitangan bawahan dengan majikan dan yang ketiga ialah 'Horizontal' (komunikasi antara kumpulan/pangkat yang sama) merupakan komunikasi antara kakitangan yang memegang jawatan yang sama dalam setiap jabatan.



Selain itu, Dr. Ahlam juga memberitahu penggunaan teknologi dalam organisasi adalah amat penting dalam melancarkan komunikasi organisasi terutamanya dalam keadaan pandemik masa ini. Pengurusan kerja di pejabat secara fizikal makin berkurangan dan kebanyakan organisasi akan bekerja dari rumah. Kaedah komunikasi serta pengurusan kerja harian menjadi sangat berbeza berbanding bekerja di pejabat. Oleh sebab itu, teknologi dalam komunikasi organisasi sangat penting dalam pengurusan harian kepada majikan dan kakitangan.

Berdasarkan dari pengalaman Dr. Ahlam selama 13 tahun dalam bidang komunikasi ini, beliau telah berjaya menghasilkan buku yang berkualiti ini dan berharap setiap daripada kakitangan profesional mestilah menerbitkan sekurang-kurangnya satu buku yang berkaitan dengan kemahiran dan kepakaran yang dimiliki. Beliau juga berharap supaya para penonton dan staf PTAR menjadikan membaca sebagai satu amalan dalam kehidupan.